

17 NOV 1998  
Dewan-Al Gore (Sabah)  
AL GORE BIADAB, KATA ADUN SABAH

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Seorang Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah hari ini menyifatkan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore sebagai biadab dan menunjukkan beliau tidak peka terhadap hubungan antarabangsa.

Datuk Musa Aman (BN-Sungai Sibuga) berkata tindakan Gore menyokong gerakan reformasi mendedahkan belang sebenar pemimpin negara terbabit yang ingin melihat keadaan di negara ini menjadi kacau-bilau supaya mereka boleh campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara ini.

"Negara kita bukan negara jajahan Amerika Syarikat dan mereka tidak berhak mencampuri urusan negara ini," katanya ketika membahaskan usul menyokong dasar kewangan dan kepimpinan negara yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok pada hari kedua sidang Dewan di sini.

Usul itu, yang turut mendapat sokongan daripada anggota pembangkang, kemudian diluluskan oleh Dewan.

Usul berkenaan berbunyi: "Bahawa kami Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah menyokong Dasar Kewangan Kerajaan dan kepimpinan negara dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang ini. Kami Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah akan sentiasa berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerajui kerajaan Malaysia.

"Kami akan sentiasa bersama dan memberi sokongan dalam sebarang usaha membawa negara keluar daripada masalah yang dihadapi sekarang ini dan terus menjadi sebuah negara yang makmur dan maju."

Ketika membetangkan usul itu, Dompok berkata keupayaan negara untuk berdiri megah di mata dunia membuktikan bahawa apa yang telah dilakukan oleh pemimpin negara selama ini adalah di landasan yang betul.

"Pencapaian yang dinikmati ini bukanlah sesuatu yang berlaku secara kebetulan. Ia adalah kesan daripada kepimpinan yang berwawasan, pentadbiran yang berkesan dan pelaksanaan pembangunan yang cekap," katanya.

Status yang dinikmati negara ketika ini juga membuktikan keberkesanan kepimpinan Dr Mahathir.

"Kini kita sebagai rakyat negara ini boleh berbangga memperkenalkan diri sebagai warganegara Malaysia di mata dunia dengan kecemerlangan yang dicapai oleh negara," katanya.

Dompok memberitahu Dewan bahawa beliau telah mendatangi satu resolusi oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri yang antara lain melahirkan rasa kesal terhadap tindakan pemimpin asing yang cuba campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara ini.

Resolusi itu juga menegaskan sokongan terhadap Perdana Menteri dan melahirkan rasa bangga dengan kesabaran dan ketabahan Dr Mahathir dalam menghadapi pelbagai cabaran.

-- BERNAMA  
JS MAI